



SYARAT DAN TATACARA PENCALONAN TIMBALAN YANG DIPERTUA PPPM

Jawatan Timbalan Yang Dipertua yang akan dipilih di Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pandu Puteri Malaysia 2016/2017 adalah:

Bil	Jawatan	Nama	Tempoh Memegang Jawatan
1.	Timbalan Yang Dipertua	DYTM Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan Raja Nor Mahani bt Raja Shahar Shah	Tamat Tempoh menjalankan tugas kerana tiada pencalonan dalam MAT 2015/2016

Syarat dan tatacara pencalonan Timbalan Yang Dipertua PPPM adalah seperti yang berikut:

1. Pencalonan dibuka bermula **2 Februari 2017** menerusi borang Pencalonan yang disediakan oleh Ibu Pejabat atau dimuat turun daripada laman sesawang PPPM sehingga tarikh tutup pencalonan iaitu **24 Mac 2017**.
2. Calon Timbalan Yang Dipertua yang dicadangkan mestilah daripada Yang Dipertua Cawangan sedia ada.
3. Timbalan Yang Dipertua yang telah tamat tempoh menduduki jawatan ini selama 6 tahun keseluruhannya tidak boleh dicalonkan lagi melainkan telah tidak menjalankan tugas sebagai ahli LEK selama tiga tahun.
4. Setiap pencalonan memerlukan **seorang pencadang dan dua orang penyokong** yang terdiri daripada Ahli Aktif Persatuan Pandu Puteri Malaysia. Ahli aktif yang dimaksudkan adalah ahli PPPM yang berdaftar sebagai ahli dengan PPPM.
5. Pencadang Calon adalah bertanggungjawab bagi mendapatkan persetujuan dari bakal Calon, sebelum pencalonan dihantar kepada Jawatankuasa Khas Pencalonan.
6. Pencadang Calon **MESTI** memastikan borang di isikan dengan teliti dan sempurna sebab borang pencalonan yang tidak lengkap akan ditolak.
7. Satu salinan kad pengenalan calon dan Cetakan Butir Keahlian daripada E Daftar hendaklah disertakan bersama borang pencalonan.

8. Borang Pencalonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada Jawatankuasa Khas Pemilihan Ahli Lembaga Eksekutif Kebangsaan di alamat:

Wisma Pandu Puteri,
Jalan Pantai Baharu,
59700 Kuala Lumpur

*Sila **tandakan** di penjuru atas sebelah kiri sampul surat dengan frasa:

“SULIT-BORANG PENCALONAN TYDP 2017”

9. Tarikh akhir penghantaran Borang Pencalonan ialah sebelum atau pada **24 Mac 2017**.

Sila lampirkan:

- Salinan Kad Pengenalan Calon
- Cetakan Butir Keahlian daripada E Daftar



SYARAT DAN TATACARA PENCALONAN AHLI LEMBAGA EKSEKUTIF KEBANGSAAN PPPM

Enam kekosongan Ahli Lembaga Eksekutif Kebangsaan (LEK) PPPM yang akan dipilih di Mesyuarat Agung Tahunan 2016 / 2017 adalah :

Bil	Jawatan	Nama	Tempoh Memegang Jawatan
1	Ketua Pesuruhjaya	Cik Normala binti Baharudin	2013 / 2018
2	Pesuruhjaya Program	Puan Norhayati binti Pilus	2014-2017 (Satu Penggal)
3	Pesuruhjaya Pandu Puteri Dewasa	Puan Aishah binti Ghani	2014-2017 (Satu Penggal)
4	Pesuruhjaya Pandu Puteri Guild	Puan Azizah binti Abd Majid	2014-2017 (Satu Penggal)
5	Pesuruhjaya Perhubungan dengan Masyarakat	Cik Koh Kar Ling	2014-2017 (Satu Penggal)
6	Pesuruhjaya Pandu Puteri Tunas	Puan Tee Huey Ghee	Tamat Tempoh menjalankan tugas kerana tiada pencalonan dalam MAT 2015/2016

Syarat dan tatacara pencalonan LEK PPPM adalah seperti yang berikut:

1. Pencalonan dibuka bermula **2 Februari 2017** menerusi borang Pencalonan yang disediakan oleh Ibu Pejabat atau dimuat turun daripada laman sesawang PPPM sehingga tarikh tutup pencalonan iaitu **24 Mac 2017**.
2. Seorang Ahli Aktif boleh dicalonkan sebagai Calon untuk Ahli LEK.
3. Pencadang digalakkan mencalon ahli muda yang berumur 35 tahun ke bawah.
4. Ahli LEK yang telah menjalankan tugas untuk satu penggal boleh dicalonkan semula untuk satu penggal berikutnya.
5. Ahli LEK yang telah tamat tempoh memegang jawatan dalam LEK selama 6 tahun keseluruhannya tidak boleh dicalonkan lagi melainkan telah tidak menjalankan tugas sebagai ahli LEK selama satu penggal (tiga tahun).

6. Setiap pencalonan memerlukan **seorang pencadang dan dua orang penyokong** yang terdiri daripada Ahli Aktif Persatuan Pandu Puteri Malaysia.
7. Pencadang bertanggungjawab bagi mendapatkan persetujuan dari bakal Calon, sebelum pencalonan dihantar kepada Jawatankuasa Khas Pencalonan.
8. Pencadang Calon **MESTI** memastikan borang di isikan dengan teliti dan sempurna sebab borang pencalonan yang tidak lengkap akan ditolak.
9. Satu salinan kad pengenalan calon, waran sah PPPM dan Cetakan Butir Keahlian daripada E Daftar hendaklah disertakan bersama borang pencalonan.
10. Borang Pencalonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada Jawatankuasa Khas Pemilihan Ahli Lembaga Eksekutif Kebangsaan di alamat'

Wisma Pandu Puteri,
Jalan Pantai Baharu,
59700 Kuala Lumpur

*Sila **tandakan** di penjuru atas sebelah kiri sampul surat dengan frasa:

“SULIT-BORANG PENCALONAN LEK 2017”

11. Tarikh akhir penghantaran Borang Pencalonan ialah sebelum atau pada **24 Mac 2017**.

Sila lampirkan

- Salinan Kad Pengenalan Calon
- Waran sah PPPM
- Cetakan Butir Keahlian daripada E Daftar